

Nama:

Kelas:

MODUL INTERVENSI MENENGAH ATAS 2026 PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2026

EKONOMI
KERTAS 1
1 JAM 15 MINIT



JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN:

1. *Kertas ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
5. **Kertas jawapan objektif** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.


Modul ini mengandungi 13 halaman bercetak

- 1 Syarikat Indah Jaya hanya dapat melaksanakan projek perumahan di Bandar Sentosa dan terpaksa menangguhkan projek perumahan di Bandar Alamanda disebabkan
- A pendapatannya terhad
 - B kehendak manusia yang terhad
 - C modal dan buruh yang dimiliki terhad
 - D peruntukan sumber hasil kerajaan terhad
- 2 Maklumat berikut berkaitan dengan satu sumber ekonomi.

Berperanan menyelaraskan faktor pengeluaran bagi menghasilkan barangan.

Sumber di atas haruslah

- A memiliki kemahiran profesional
 - B menerima faedah yang tinggi
 - C mempunyai mobiliti geografi
 - D mampu menghadapi risiko
- 3 Rajah 1 menunjukkan suatu keluk kemungkinan pengeluaran.



Rajah 1

Pilih pernyataan yang benar tentang kombinasi pengeluaran di titik C.

- A Faktor pengeluaran digunakan secara maksimum tanpa membazir
- B Mencapai kecekapan pengeluaran dalam proses mengeluarkan barang
- C Berlaku ketidakupayaan pengeluaran akibat kekurangan faktor pengeluaran
- D Pengeluaran tidak cekap kerana faktor pengeluaran tidak digunakan sepenuhnya


- 4 Pilih pasangan yang betul?

	Masalah Asas Ekonomi	Keterangan
A	Apa yang hendak dikeluarkan	Diselesaikan dengan tujuan untuk memenuhi keperluan dan kehendak pengguna
B	Berapa yang hendak dikeluarkan	Dikeluarkan melalui penggabungan faktor pengeluaran secara optimum
C	Bagaimana hendak dikeluarkan	Diselesaikan melalui corak agihan pendapatan
D	Untuk siapa dikeluarkan	Dikeluarkan bergantung kepada harga relatif faktor pengeluaran

- 5 Pernyataan yang manakah menerangkan tentang sistem ekonomi yang dikawal sepenuhnya oleh pihak pemerintah.

- I Kerajaan menentukan penggunaan sumber-sumber ekonomi
 - II Rakyat dapat menikmati pelbagai barang dan perkhidmatan
 - III Wujud persaingan yang saksama dalam pengeluaran
 - IV Kebajikan rakyat diberi keutamaan
- A I dan III
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D II dan IV

- 6 Rajah 2 menunjukkan perubahan permintaan suatu produk.




Rajah 2

Jika D_0 adalah permintaan asal, pernyataan manakah yang betul menerangkan rajah tersebut?

- A Peningkatan harga dijangka berlaku pada masa depan menyebabkan titik M beralih ke titik R
- B Peningkatan harga barang penggenap menyebabkan berlakunya pergerakan titik M ke titik P
- C Pertambahan pelepasan cukai menyebabkan berlakunya pergerakan titik M ke titik Q
- D Pertambahan pendapatan menyebabkan pergerakan titik M ke titik N

- 7 Rajah 3 berkaitan dengan keluk penawaran.



Rajah 3

Situasi yang manakah menyebabkan berlaku peralihan titik dari **a** ke **b**?

- A Peningkatan bayaran upah pekerja
 - B Pengurangan cukai import oleh kerajaan
 - C Objektif firma adalah memaksimumkan jualan
 - D Jangkaan penurunan harga pada masa depan
- 8 Jadual 1 menunjukkan kuantiti penawaran dan kuantiti permintaan bagi suatu barang pada pelbagai tingkat harga.

Harga (RM)	Kuantiti Penawaran (unit)	Kuantiti Permintaan (unit)
15	150	330
20	165	300
25	180	270
30	250	250
35	320	140


Jadual 1

Pilih pernyataan yang betul tentang jadual di atas.

- A Harga cenderung naik pada tingkat harga RM35
- B Harga keseimbangan pasaran adalah pada harga RM30
- C Lebihan penawaran sebanyak 180 unit berlaku pada tingkat harga RM15
- D Kuantiti permintaan melebihi kuantiti penawaran sebanyak 125 unit pada tingkat harga RM20

- 9 Pernyataan yang manakah betul tentang lebihan permintaan?
- A Berlaku selepas kerajaan melaksanakan dasar harga minimum
 - B Wujud apabila perbelanjaan melebihi pendapatan pengguna
 - C Harga cenderung naik daripada keseimbangan asal
 - D Keluk permintaan pasaran akan beralih ke kanan

- 10 Rajah 4 berikut berkaitan dengan pasaran barang Q.



Rajah 4

Pernyataan yang manakah menerangkan perubahan dalam rajah tersebut?

- A Berlaku lebihan penawaran
 - B Harga dan kuantiti baharu menurun
 - C Matlamat firma maksimumkan untung
 - D Keseimbangan baharu pada harga lebih tinggi
- 11 Antara berikut, faktor yang manakah mempengaruhi keanjalan permintaan telefon pintar?
- I Jenis barangan
 - II Ketersediaan stok
 - III Bilangan firma dalam pasaran
 - IV Nisbah perbelanjaan dengan pendapatan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 12 Barang N mempunyai nilai keanjalan harga penawaran 2.8. Sekiranya harga barang N meningkat sebanyak 20%, kuantiti ditawarkan bagi barang N akan meningkat daripada 120 unit kepada
- A 140 unit
 - B 168 unit
 - C 187.2 unit
 - D 192.2 unit
- 13 Antara berikut, yang manakah menyebabkan wang berfungsi sebagai alat bayaran tertunda?
- A Tahan lama
 - B Mudah dibawa
 - C Kestabilan nilai
 - D Diterima umum
- 14 Antara yang berikut, yang manakah kemudahan kepada pemegang akaun semasa?
- I Menerima kemudahan overdraf
 - II Menerima buku akaun simpanan
 - III Memperoleh kadar faedah yang tinggi
 - IV Membuat pembayaran menggunakan cek
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

- 15 Maklumat yang berikut berkaitan dengan pendapatan Encik Hafiz pada tahun 2025.

Pendapatan dan Potongan	RM
Gaji	18000
KWSP	11%
Insurans nyawa	400
Cukai pendapatan	150
Zakat	180

Hitung pendapatan boleh guna Encik Amirul

- A RM15 190
 B RM15 290
 C RM15 690
 D RM17 270
- 16 Pernyataan manakah yang betul tentang belanjawan peribadi?
- A Membantu mengawal harga dalam pasaran
 B Membantu individu berbelanja dengan lebih selesa
 C Membolehkan firma berjimat cermat dalam berbelanja
 D Menggalakkan individu membeli barang mengikut kehendak
- 17 Jadual 2 di bawah ini menunjukkan maklumat kos pengeluaran bagi Syarikat Ayu.

Butiran	RM
Upah pekerja	5 000
Bil utiliti	3 000
Sewa kedai	2 000

Jadual 2

Syarikat Ayu menjual 4000 helai pakaian dijual dengan harga RM12 sehelai.
 Berapakah jumlah untung yang diperolehi oleh syarikat tersebut?

- A RM10 000
 B RM12 000
 C RM38 000
 D RM48 000

- 18 Pilih pernyataan yang benar mengenai hukum pulangan berkurangan dalam pengeluaran firma
- A Berlaku kemajuan yang berterusan dalam dalam tingkat teknologi pengeluaran
 - B Jumlah keluaran firma semakin meningkat apabila penggunaan input bertambah
 - C Jumlah keluaran semakin menurun jika input berubah ditambah berterusan ke atas input tetap
 - D Gabungan yang paling cekap antara input berubah dan input tetap untuk menambah output
- 19 Pilih faktor yang akan membantu meningkatkan tahap produktiviti sesebuah organisasi.
- A Persekitaran kerja yang kondusif dan selesa
 - B Penggunaan peralatan dan jentera yang kuno
 - C Gaya kepimpinan pengurusan yang autokratik
 - D Sistem dan prosedur kerja organisasi yang rumit
- 20 Rumus di bawah ini berkaitan dengan eksternaliti.
- $$\text{Faedah sosial} = X + \text{Faedah luaran}$$
- Apakah X?
- A Menjimatkan masa perjalanan
 - B Kesesakan lalu lintas yang rendah
 - C Kos pengangkutan yang semakin membebankan
 - D Pencemaran alam sekitar yang semakin meningkat
- 21 Guna tenaga penuh dapat dicapai melalui
- A pertumbuhan kegiatan ekonomi
 - B peningkatan kuantiti pekerja import
 - C pengawalan tingkat harga umum barangan
 - D penambahbaikan Akta Kemasukan Buruh Asing



- 22 Maklumat berikut berkaitan dengan satu penunjuk ekonomi.

Indeks Harga Pengguna (IHP) Julat 2022 naik 4.4% berbanding tahun sebelumnya.

Sumber: BH Online, 29 Ogos 2022

Situasi yang manakah berkaitan dengan maklumat tersebut?

- A Dasar fiskal mengembang dilaksanakan oleh kerajaan
 - B Kos sara hidup masyarakat bertambah
 - C Eksport negara cenderung meningkat
 - D Pelaburan firma tinggi
- 23 Pilih pasangan yang betul.

	Jenis Inflasi	Keterangan
A	Tarikan permintaan	Wujud akibat kejatuhan nilai mata wang tempatan
B	Tolakan kos	Berlaku apabila pengeluar ingin mengekalkan margin untung
C	Tarikan permintaan	Negara rakan dagang mengalami peningkatan harga secara berterusan
D	Tolakan kos	Sukar menambah keluaran semasa ekonomi mencapai guna tenaga penuh

- 24 Apakah yang menyebabkan berlaku pengangguran geseran?
- A Maklumat tentang peluang pekerjaan terhad
 - B Pengurangan permintaan agregat dalam negara
 - C Firma mengurangkan pengeluaran dalam pasaran
 - D Kemahiran tidak bersesuaian dengan sektor ekonomi



- 25 Pilih pasangan yang betul.

	Perbelanjaan Kerajaan	Keterangan
A	Belanja Mengurus	Bertujuan meningkatkan kualiti infrastruktur Komunikasi dan Teknologi Maklumat
B	Belanja Mengurus	Contoh ialah Bantuan Awal Persekolahan
C	Belanja Pembangunan	Merupakan perbelanjaan semasa kerajaan
D	Belanja Pembangunan	Penyelenggaraan dan baik pulih harta kerajaan

- 26 Maklumat berikut menunjukkan bajet sebuah negara.

Butiran	RM juta
Hasil	180
Perbelanjaan	200

Penyataan yang manakah betul berkaitan dengan bajet tersebut?

- A Bertujuan untuk mengatasi inflasi
 B Kuasa beli pengguna berkurangan
 C Pelaksanaan dasar fiskal mengembang
 D Jumlah permintaan agregat dalam pasaran jatuh
- 27 Maklumat yang manakah betul tentang pelaksanaan dasar kewangan dalam mencapai objektif makroekonomi?

	Objektif makroekonomi	Tindakan	Kesan
A	Guna tenaga penuh	Menurunkan nisbah rizab berkanun	Peluang pekerjaan menurun
B	Kestabilan harga	Menjual surat jaminan kerajaan	Tingkat harga umum naik
C	Pertumbuhan ekonomi	Menaikkan kadar faedah pinjaman	Kos pengeluaran berkurang
D	Imbangan pembayaran	Melonggarkan syarat sewa beli	Aliran masuk wang meningkat

- 28** Pernyataan yang manakah merupakan kepentingan perdagangan antarabangsa daripada aspek peningkatan kecekapan pengeluaran?
- A** Meningkatkan kecenderungan masyarakat dalam penghasilan output
- B** Menawarkan pilihan yang pelbagai kepada pengguna
- C** Mewujudkan persaingan dalam kalangan pengeksport
- D** Menikmati barang dengan harga yang lebih murah
- 29** Apakah kesan negatif pelaksanaan tarif dalam kegiatan perdagangan antarabangsa?
- A** Perbelanjaan pengguna semakin merosot
- B** Masyarakat menggunakan barang yang bermutu rendah
- C** Kecekapan pengeluaran industri penggantian import jatuh
- D** Jumlah pengeluaran kereta tempatan kurang berbanding kereta import
- 30** Apakah kesan negatif blok perdagangan kepada Malaysia?
- A** Kemasukan modal asing bertambah
- B** Industri tempatan menghadapi persaingan
- C** Wujud mobiliti tenaga mahir dari luar negara
- D** Dasar liberalisasi perdagangan diperkukuhkan
- 31** Pasangan yang manakah betul?

	Urus niaga	Situasi
A	Eksport Barang Nampak	Sebuah Syarikat di India membeli perisian komputer dari negara Malaysia
B	Eksport Barang Tak Nampak	Syarikat tempatan membuat bayaran penggunaan hak cipta kepada sebuah Syarikat Korea Utara
C	Import Barang Nampak	Sebuah pasar raya Malaysia membeli pakaian dari Amerika Syarikat
D	Import Barang Tak Nampak	Jurulatih tempatan menerima bayaran upah dari negara Singapura

- 32 Situasi yang manakah direkodkan dalam akaun pendapatan sekunder?
- A Rakyat Indonesia menghantar balik wang yang bekerja di Malaysia
 - B Kerajaan Malaysia memberi sumbangan kepada rakyat Palestin
 - C Syarikat Jepun menggunakan kapal milik Malaysia
 - D Pelancong Thailand menginap di Hotel Malaysia
- 33 Maklumat berikut menunjukkan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Dollar Singapura (SGD).

$RM\ 1.00 = SGD\ 0.4$

Berapakah nilai Ringgit Malaysia yang perlu dibayar oleh pelajar yang membeli 3 buah buku jika diberi diskaun 10% pada harga asal SGD120 sebuah buku?

- A RM 270
 - B RM 300
 - C RM 810
 - D RM 900
- 34 Permintaan terhadap Ringgit Malaysia akan berlaku apabila
- I nilai mata wang tinggi di pasaran
 - II jumlah eksport negara meningkat
 - III cukai import dari luar negara menurun
 - IV pemindahan modal ke luar negara merosot
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Soalan 35 hingga **soalan 40** berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 35** I Implikasi daripada sesuatu pilihan adalah kekurangan.
 II Kekurangan bagi firma ialah keuntungan yang mungkin daripada keluaran kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan.
- 36** I Pekali keanjalan kurang daripada satu adalah permintaan tak anjal.
 II Permintaan tak anjal merupakan barang mewah.
- 37** I Potongan wajib ialah bayaran yang ditetapkan oleh undang-undang atau diwajibkan dalam rukun Islam.
 II Contoh potongan wajib ialah caruman insurans nyawa.
- 38** I Pengeluaran adalah suatu proses tranformasi input kepada barang perantaraan atau barang akhir.
 II Input tetap hanya berlaku dalam jangka masa pendek.
- 39** I Dasar fiskal dilaksanakan melalui perubahan kadar cukai dan perbelanjaan kerajaan.
 II Dasar fiskal mengembang dilaksanakan untuk mengawal inflasi dalam negara.
- 40** I Tarif spesifik ialah cukai yang dikenakan mengikut nilai barang yang diimport.
 II Tarif spesifik menyebabkan harga barang import meningkat.

KERTAS SOALAN TAMAT